



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PERSIDANGAN KEPENDUDUKAN KEBANGSAAN 2023  
(PERKKS 23)**

**LOKASI / TARIKH / MASA**

**PULSE GRANDE HOTEL, PUTRAJAYA  
21 NOVEMBER 2023 (SELASA) 9.00 Pagi**

*Kemaskini 20 November 2023*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama hadir dalam **Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2023 (PERKKS 23)** pada hari ini.
2. Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada YBhg. Dato'/Dr./Tuan-tuan dan puan-puan yang hadir. Ini adalah bukti komitmen dan kesungguhan daripada pelbagai agensi dalam usaha mengintegrasikan

faktor kependudukan dan kekeluargaan sebagai aspek penting dalam agenda pembangunan negara.

### **SAMBUTAN NOVEMBER BULAN KELUARGA KEBANGSAAN**

**YBhg. Dato', Dr., Puan-puan dan tuan-tuan, Para hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Pada 4 November 2023 yang lepas, bertempat di Dataran Putrajaya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merasmikan Sambutan November Bulan Keluarga

Kebangsaan Tahun 2023 yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensinya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

4. Dengan tema “Keluarga Harmoni, Negara MADANI”, sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2023 ini bertujuan untuk mengajak pelbagai lapisan masyarakat supaya kembali memberi keutamaan kepada elemen asas (*back to*

*basics*) iaitu kesejahteraan keluarga bermula dengan ikatan kasih sayang yang erat daripada ibu bapa dan ahli keluarga.

5. Di samping itu, KPWKM melalui LPPKN turut memperkenalkan Kempen KASIH MADANI: Keluarga Harmoni, Negara MADANI yang dilaksanakan sepanjang bulan November ini sehingga awal tahun hadapan. Pelaksanaan kempen ini secara berterusan akan mencerminkan kepentingan institusi keluarga yang kukuh sebagai tulang belakang kepada Malaysia MADANI yang progresif.

## **PERSIDANGAN KEPENDUDUKAN KEBANGSAAN 2023 (PERKKS 23)**

**YBhg. Dato', Dr., Puan-puan dan tuan-tuan, Para hadirin yang dihormati sekalian,**

6. Selain program advokasi, program pendidikan, dan perkhidmatan sokongan berkaitan kekeluargaan yang disediakan sepanjang bulan November ini, LPPKN turut menganjurkan program perbincangan ilmiah dan saintifik seperti program yang diadakan pada hari ini. Dengan tema

**“Penduduk dan Keluarga Mampan, Membangun Malaysia MADANI”**, persidangan seperti ini menyediakan ruang terbaik kepada pakar, ahli akademik, penyelidik dari agensi kerajaan dan swasta, dan juga para pelajar universiti dari pelbagai bidang untuk membentangi serta menyebarkan hasil kajian, serta menjadi medan perbincangan ilmiah berkenaan isu kependudukan dan kekeluargaan.

7. Kita sedar bahawa agenda kependudukan dan kekeluargaan negara seharusnya diperjuangkan secara



kolektif oleh semua pihak. Sehubungan itu, Kerajaan sangat memerlukan lebih banyak penemuan penyelidikan terutama dalam kedua-dua bidang ini bagi dijadikan input dalam pembuatan dasar, intervensi dan program berkaitan.

8. Istimewa dalam penganjuran PERKKS 23 tahun ini, selain KPWKM melalui LPPKN yang meneruskan kerjasama strategik dengan *United Nations Population Fund (UNFPA) Malaysia*, dan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya (UM), penglibatan MERCK Malaysia sebagai rakan kerjasama

baharu dalam PERKKS 23 adalah amat dialu-alukan. Terima kasih dan selamat bekerjasama saya ucapkan. Untuk makluman hadirin, satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara LPPKN dan MERCK Malaysia turut akan dimeterai dalam PERKKS 23 ini nanti.

9. Dengan pengalaman luas dalam industri sains hayat (*life science*) yang merangkumi sektor seperti bioteknologi, farmaseutikal, dan teknologi penjagaan kesihatan, MoU ini nanti akan memberi ruang kepada MERCK Malaysia untuk

berkongsi kepakaran serta teknologi dengan LPPKN khusus yang berkaitan dengan bidang kesuburan, perancangan keluarga dan subfertility.

## **PERUBAHAN DEMOGRAFI DI MALAYSIA**

**YBhg. Dato', Dr., Puan-puan dan tuan-tuan, Para hadirin yang dihormati sekalian,**

10. Sejak lima (5) dekad yang lalu, kadar kesuburan penduduk negara telah menurun dengan mendadak iaitu daripada 6.7

orang anak bagi seorang wanita pada tahun 1957 kepada 4.0 orang anak pada tahun 1980, 3.0 orang anak pada tahun 2000, 2.1 orang anak pada tahun 2010 dan terkini hanya 1.6 orang anak pada tahun 2022, kadar terendah yang pernah dicatatkan oleh negara kita.

11. Penurunan kadar kesuburan ini sekaligus mempercepatkan proses penuaan penduduk yang dijangka Malaysia akan menjadi “negara tua” pada tahun 2044, iaitu apabila 15 peratus daripada keseluruhan penduduknya berumur 60

tahun dan ke atas. Jika kadar kesuburan terus menurun dengan kadar semasa dan tiada intervensi diambil bagi menangani situasi ini, penduduk negara dijangka mencapai jumlah maksimum sebanyak 46 juta orang pada tahun 2071 sebelum mengalami penguncupan penduduk (*population shrinkage*) pada tahun berikutnya.

12. Seiring dengan penurunan kadar kesuburan, saiz purata isi rumah atau saiz keluarga di negara ini turut mengalami pengurangan iaitu daripada 4.8 orang pada tahun 1991 kepada 4.0 orang pada tahun 2014. Ini secara tidak langsung

menggambarkan sumber sokongan sosial keluarga yang semakin berkurang dan terhad terutama dalam menunaikan tanggungjawab penjagaan terhadap ibu bapa warga emas.

13. Sehubungan itu, penganjuran PERKKS 23 pada hari ini adalah tepat pada masanya. Saya berharap agar segala perkongsian baharu dan bermanfaat dari barisan para penyelidik pada hari ini akan dapat membantu memperkukuhkan lagi institusi keluarga di negara ini.

14. Sempena penganjuran PERKKS 23 ini juga, satu (1) sesi khas perbincangan meja bulat akan diadakan bagi menghasilkan resolusi yang mengandungi cadangan dasar dan langkah intervensi untuk menangani isu penurunan kadar kesuburan penduduk negara, yang mana kesemua cadangan yang terkandung dalam resolusi ini nanti adalah merupakan pelengkap kepada inisiatif intervensi yang sedang dirancang dan digerakkan oleh KPWKM melalui LPPKN.

15. Sukacita saya mengumumkan Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) telah meluluskan penubuhan Pusat Subfertility Negara. LPPKN telah diberi peranan dan tanggungjawab untuk menubuhkan Pusat ini yang dijangka siap dalam tempoh lima (5) tahun dari sekarang.
16. Pusat ini akan menyediakan khidmat rawatan kesuburan dan kesejahteraan keluarga yang komprehensif termasuk berfungsi sebagai pusat koodinasi penyelidikan, teknologi rawatan terkini dan latihan kepakaran di Malaysia.



## **PENUTUP**

**YBhg. Dato', Dr., Tuan-tuan dan puan-puan, Para hadirin yang dihormati sekalian,**

17. Saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak penganjur LPPKN, UM, UNFPA Malaysia, WMIT Group Sdn. Bhd. dan MERCK Malaysia, serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan

persidangan pada hari ini. Komitmen agensi Kerajaan, pihak swasta, universiti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha mengintegrasikan faktor kependudukan dan kekeluargaan ke dalam perancangan pembangunan negara seperti yang ditunjukkan pada hari ini wajar diberi pujian.

18. Saya juga berharap, hasil penemuan kajian yang dikongsi dan dibentangkan sepanjang PERKKS 23 ini bukan sekadar untuk penerbitan jurnal akademik semata-mata, tetapi juga bermanfaat kepada perancangan pembangunan sosial negara. Diharapkan persidangan seperti ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang supaya terus dapat menyumbang kepada pembangunan sosial negara demi kebaikan semua rakyat Malaysia.

19. Izinkan saya mengakhiri ucapan saya dengan serangkap pantun:

*Kayuh sampan perlahan-lahan,  
Mencari-cari perahu tambang,  
Anak bangsa menjadi harapan,  
Semoga negara terus berkembang.*

20. Dengan ini, saya akhiri ucapan saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2023 (PERKKS 23)**.

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah*

*Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**  
**19 November 2023**